

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS MAKAN MALAM DAN PENYAMPAIAN ANUGERAH KEMPEN
MINGGU KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 2002
DI MATAHARI BALLROOM, HOTEL EQUITORIAL,
BUKIT JAMBIL, PULAU PINANG
7 OKTOBER 2002

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Sumber Manusia dan Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan kerana menjemput dan memberi kesempatan kepada saya untuk berucap dan seterusnya menyampaikan Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2002.

2. Ini adalah kali kedua saya menghadiri aktiviti Kempen Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan anjuran Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia. Kali pertama ialah pada tahun 2000 di Kuala Lumpur.

3. Sumber manusia adalah aset terpenting dan tulang belakang untuk membawa negara ke tahap pembangunan yang lebih sempurna dan menyeluruh. Pembangunan ekonomi dan pembangunan sosial tidak akan tercapai tanpa sumbangan bermakna golongan pekerja. Dengan prospek ekonomi kita yang lebih baik dan tawaran pekerjaan yang banyak dari pelbagai sektor, sudah tentu lebih ramai lagi akan memasuki pasaran pekerjaan.

4. Dalam kita ghairah untuk mengambil pekerja untuk memenuhi permintaan pasaran yang meningkat, maka banyaklah aspek lain yang akan kurang diberi perhatian oleh pihak pengurusan syarikat. Misalnya, aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan kurang diberikan keutamaan oleh pengurusan syarikat. Langkah ini adalah tidak betul dan menyalahi peraturan yang boleh dikenakan tindakan jika berlaku kemalangan atau kematian pekerjanya. Saya mengingatkan pihak pengurusan syarikat bahawa dalam mencari keuntungan perniagaan adalah menjadi satu tanggungjawab mereka juga untuk menyediakan tempat kerja yang selamat dan kondusif. Pekerja yang tidak sihat dan persekitaran kerja yang tidak selamat dan kondusif tidak akan menyumbang kepada produktiviti untuk dirinya, syarikatnya dan juga negara. Aspek ini saling berkait rapat dan melengkap antara satu sama lain. Dalam hal ini kerajaan prihatin dan komited dan tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana pihak yang mengabaikan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

5. Keperihatinan kerajaan dapat dilihat berdasarkan usaha- usaha yang telah dilakukan dan sedang dijalankan, antara lain menggunakan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 atau Akta 514, yang telah pun dikuatkuasakan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan sejak bulan April 1994 lagi. Akta 514 ini amat jelas iaitu mewajibkan setiap majikan bertanggungjawab bagi memastikan tempat kerja tidak memberi kesan negatif kepada pekerja-pekerja dan juga orang lain yang mungkin terlibat sama. Walaupun ia telah dikuatkuasakan, masih terdapat juga kilang-kilang dan syarikat-syarikat yang masih enggan memberi perhatian kepada aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Walaupun diberi notis amaran oleh pihak berkenaan, pihak pengurusan syarikat masih juga terus mengabaikan aspek tersebut. Perlu saya tegaskan di sini bahawa kerajaan tidak akan teragak-agak menghentikan operasi mana-mana syarikat atau kilang yang melanggar Akta 514, iaitu setelah ia diberi notis amaran. Jika denda yang dikenakan sekarang terlalu

kecil dan tidak memadai dan tidak membawa kesan, pilihan yang ada pada kerajaan ialah meminda akta tersebut dengan menaikkan dendanya. Saya difahamkan purata 125 kemalangan berlaku di tempat kerja dilaporkan setiap minggu sejak lapan bulan lalu. Angka ini membimbangkan yang turut merugikan syarikat jika operasinya diarahkan berhenti.

6. Saya juga diberitahu bahawa audit yang dikendalikan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ke atas syarikat-syarikat IKS di Lembah Kelang antara bulan Mei dan Ogos lalu telah membuktikan bahawa sebahagian besar syarikat dalam kategori ini tidak memberi penekanan yang sewajarnya dalam tiga aspek utama iaitu lemah dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan, pengawalan aspek kesihatan dan penekanan rendah berhubung kebajikan pekerja. Justeru, audit ke atas syarikat-syarikat IKS akan dipertingkatkan dan diperluaskan meliputi lebih banyak organisasi pada tahun depan bagi meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

7. Tahun ini sahaja banyak syarikat IKS telah diberi notis memberhentikan operasinya dan dikompau di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967. Bukan niat kerajaan sengaja bertindak keras dan tegas tetapi kerajaan terpaksa memberi perhatian utama berkenaan perkara keselamatan dan kesihatan pekerjaan ini. Kerajaan mahu melihat kemajuan dan perkembangan IKS ini seiring dengan kemajuan syarikat-syarikat multinasional, apatah lagi bila menyentuh soal-soal keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerjanya.

8. Sektor IKS walaupun kecil dari segi saiz ekonominya, tetapi sekiranya dinilai secara makro, ia merupakan penyumbang terpenting kepada pembangunan ekonomi negara. Ini terbukti bahawa lebih 90 peratus pengusaha dalam sektor perindustrian adalah dari IKS dan menyumbang kepada 18.9 peratus output pengeluaran negara ini. Peranan dan sumbangan IKS adalah kritikal.

9. Banyak sebab yang boleh digambarkan mengenai situasi keselamatan dan kesihatan di IKS - antara yang boleh saya sebutkan ialah tahap upah rendah, tabiat kerja buruk, kekurangan sumber, persekitaran kerja yang bahaya seperti penggunaan peralatan uzur serta waktu kerja yang panjang dan sepanjang minggu. Perangkaan-perangkaan juga menunjukkan bahawa kadar kemalangan di syarikat yang menggunakan tenaga kerja kurang daripada 50 orang, adalah 30 hingga 50 peratus kali lebih tinggi berbanding syarikat besar yang mempunyai 1,000 pekerja.

10. Majikan haruslah ingat bahawa jika berlaku kemalangan mereka juga yang akan mengalami kerugian disebabkan produktiviti mereka terjejas di samping terpaksa menampung kos-kos lain yang berkaitan. Kerugian perniagaan bermakna akan mengurangkan pendapatan kerajaan. Pekerja juga turut menanggung kesengsaraan sementara keluarga akan hilang tempat bergantung. Pihak kerajaan juga terpaksa membiayai kos sampingan walaupun majikan mencarum kepada PERKESO untuk rawatan dan lain-lain. Di sini saya ingin menyeru pihak IKS supaya melabur dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan kerana ia merupakan pelaburan menguntungkan dan bukannya satu pembaziran. Tenaga mahir yang mengalami kecederaan dan penyakit pekerjaan sudah tentu tidak berupaya menghasilkan produk yang bermutu dan berkualiti dan ini menjejaskan daya saing kita di pasaran antarabangsa.

11. Dalam hal kepentingan IKS dalam pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara, kerajaan terus-menerus memberi perhatian mendalam bagi memastikan operasi syarikat-syarikat IKS berjalan lancar. Malah langkah ini jelas dalam Bajet

2003 yang dibentangkan pada 20 September lalu, di mana kerajaan berjanji akan terus memberi tumpuan terhadap pembangunan IKS sebagai usaha tambahan memperluaskan rantaian dalam semua sektor. Cukai korporat IKS dengan modal berbayar RM2.5 juta ke bawah dikurangkan daripada 28 peratus kepada 20 peratus bagi pendapatan bercukai sehingga RM100,000. Ia merupakan antara usaha di peringkat kerajaan. Bagaimana pula dengan peranan pengusaha IKS sendiri perkara keselamatan dan kesihatan pekerjaan? Saya berharap dengan langkah yang diambil oleh kerajaan mengurangkan cukai, pihak IKS pula mengambil langkah bijak untuk meningkatkan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjanya.

12. Kita mampu mencapai kadar kemalangan sifar (zero accident rate) sekiranya semua pihak memahami peranan masing-masing. Usaha-usaha itu tidak akan mendatangkan hasil sekiranya pengusaha IKS sendiri tidak memberi sumbangan yang diharapkan - sumbangan dari segi mengamalkan standard-standard keselamatan dan kesihatan positif.

13. Memang tiada peruntukan khas bagi tujuan berkenaan. Pekerja-pekerja termasuk di sesetengah tempat, badan-badan pekerja seperti kesatuan sekerja enggan memberikan kerjasama sewajarnya kepada majikan atas alasan ia hanya merupakan tanggungjawab syarikat. Terdapat juga syarikat yang merangka dan memaparkan Dasar Keselamatan dan Kesihatan di organisasi masing-masing, tetapi tidak mengamalkannya. Sikap-sikap negatif sedemikian perlu dikikis jika kita ingin melihat kewujudan suasana kerja selamat dan sihat yang boleh memanfaatkan keseluruhan 10 juta pekerja negara ini, malah 23 juta penduduk negara ini dalam jangka panjang.

14. Dalam usaha kita memperbaiki lagi tahap keselamatan dan kesihatan di IKS, saya ingin mengesyorkan supaya syarikat industri besar yang sudah mantap dengan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan menjalankan tanggungjawab sosial mereka dengan membantu menaikkan taraf IKS ke satu tahap yang lebih baik. Saya difahamkan, pihak Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan sedang menjalankan beberapa kaedah kerjasama di antara syarikat industri besar dan IKS seperti program vendor, program mentor dan program kejiranan (good neighbourhood). Kerjasama bersepadu dan bestari daripada syarikat-syarikat bersaiz besar dan IKS akan membantu mengurangkan kadar kemalangan di tempat kerja dengan lebih mendadak.

15. Sekali lagi saya ingin menekankan bahawa keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah elemen terpenting dalam usaha kita untuk menjadikan negara Malaysia sebuah negara maju pada tahun 2020. Kempen pembentukan Budaya Kerja Selamat dan Sihat ini akan menjadikan kita lebih peka lagi mengenai kepentingan keselamatan dan kesihatan kita serta menjadikan ia amalan hidup kita, baik di rumah mahupun di tempat kerja. Pelaburan tidak semestinya dalam bentuk wang, malah boleh juga datang dalam cara-cara lain iaitu menerusi pembentukan sikap-sikap positif dan komitmen setiap anggota syarikat dan masyarakat ke arah sasaran kempen - "BUDAYA KERJA SELAMAT DAN SIHAT" dan sifar kemalangan di tempat kerja.

16. Kepada semua pemenang yang menerima anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2002 saya ucapkan tahniah. Harapan kerajaan ialah pemenang-pemenang ini akan menjadi role model kepada yang lain.

Terima Kasih.